

Dua pensyarah UMP tawan Via Feratta

JERANTUT 10 Okt.— Dua pensyarah wanita Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menawan puncak bukit batu kapur Via Ferrata dengan ketinggian 120 meter dari aras laut di Kampung Paya Gunung dekat sini baru-baru ini.

Dr. Nor Saradatul Akmar Zulkifli, 30, dan rakannya, Dr. Anis Farihan Mat Raffei, 30, mencatat rekod tersendiri tanpa kemahiran serta pengalaman tetapi sampai ke puncak berkenaan dalam tempoh 45 minit.

Pensyarah kanan di Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP); UMP Gambang itu turut mendapat tunjuk ajar daripada jurulatih mendaki Kelab Ekstrem Paya Gunung, Wan Ruhaiza Wan Daud.


Nor Saradatul Akmar berkata, aktiviti ekstrem itu cukup menyeronokkan dan patut dicuba oleh golongan wanita

sebagai kegiatan mencabar kekuatan fizikal dan mental.

“Aktiviti ini tidak memerlukan pengalaman atau kemahiran yang tinggi. Lebih penting, fikiran kita perlu berfokus ditambah dengan minat sehingga mampu tiba di puncak Via Ferrata ini,” katanya di Kampung Paya Gunung, dekat sini baru-baru ini.

Wanita yang berasal dari Alor Setar, Kedah itu berkata, Via Ferrata Paya Gunung antara destinasi yang menarik di negara ini dan amat rugi sekiranya sesiapa yang berkunjung ke situ tetapi tidak mencuba aktiviti ekstrem yang mencabar itu.

Rakannya, Dr. Anis Farihan berkata, aktiviti mendaki melalui trek yang curam dan batu tajam merupakan pengalaman baharu berbanding sebelum ini hanya cuma bergiat aktif sukan di gelanggang.



ANIS FARIHAN MAT RAFFEI (kiri) bersama Nor Saradatul Akmar Zulkifli (dua dari depan) bersama jurulatih berada di puncak Via Ferrata Kampung Paya Gunung, Jerantut, Pahang, baru-baru ini.